

Amalan Kerajaan Bersandarkan Islam, Bukan Retorik Atau Slogan, Kata Najib Bernama
21 Oktober, 2012

PEKAN, 21 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata amalan kerajaan dalam menyalurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan tidak berpaksikan retorik atau slogan.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata segala bantuan yang diberi itu berlandaskan Islam yang merupakan tunjang kehidupan.

"Meskipun tiada label Islam pada luaran parti kita, tapi objektif parti adalah untuk memelihara dan mempertahankan serta membangunkan syiar Islam," katanya.

Najib, yang juga Anggota Parlimen Pekan, berkata demikian ketika berucap di majlis penyerahan watak dan wakalah (perwakilan) lembu korban kepada pengerusi masjid dan surau, pejabat kerajaan dan swasta dalam Parlimen Pekan, di sini Ahad.

Beliau berkata fungsi Malaysia sebagai orang tengah dalam menyelesaikan konflik di Selatan Filipina yang berlarutan selama 40 tahun dan mengorbankan 150,000 nyawa adalah sesuatu yang amat besar dan dihargai oleh bangsa yang baru mahu mengecapi nikmat keamanan.

"Malaysia telah memainkan peranan penting di dalam menyelamatkan etnik Bangsamoro termasuk nyawa dan agama mereka," katanya.

Pada 15 Okt lepas, kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) memeterai perjanjian bersejarah, dengan Malaysia sebagai pengantara, untuk menamatkan konflik yang berlarutan selama empat dekad di selatan Filipina.

Rangka kerja Perjanjian mengenai Bangsamoro itu ditandatangani oleh ketua perunding Filipina Marvic Leonen dan ketua perunding MILF Mohagher Iqbal di hadapan Presiden Filipina Benigno Aquino III dan Najib, di Manila, Filipina.

Malaysia menjadi pengantara perundingan damai antara kedua-dua pihak itu sejak 2001 sehingga perjanjian awal untuk perdamaian dicapai di Kuala Lumpur dalam rundingan dari 2 hingga 7 Okt lepas.

Sementara itu, sempena sambutan Aidiladha minggu depan, Najib mengajak rakyat supaya meningkatkan ketaqwaan diri selari dengan penghayatan prinsip pengorbanan itu sendiri sebagaimana dilakukan Nabi Ibrahim A.S selepas diperintah Allah S.W.T.

Beliau berkata pada tahun ini, Parlimen Pekan mendapat 364 ekor lembu korban sumbangan beberapa syarikat swasta dan beliau sendiri untuk diagihkan kepada 57 buah masjid, 154 surau dan 30 pejabat awam dan swasta.

Perdana Menteri turut menyerahkan lesen kelas B2 kepada 234 belia Pekan yang menyertai program perintis Bantuan Lesen 1Malaysia (BL1M) yang dilancarkan di daerah itu pada bulan Mei lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=703702>